



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS MEMPROMOSIKAN  
DANA MODENISASI RANTAIAN NILAI,  
PEMODENAN VESEL DAN MEKANISASI TANGKAPAN**

**MENARA LPP, KUALA LUMPUR**

**2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**3.00 PETANG – 4.30 PETANG**

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

**SALUTASI**

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

**YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

**YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

**YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

**YBHG. DATO' MUSTAPHA BIN BUANG**

Pengerusi

Lembaga Pengarah Agrobank

**YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI**

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang

**YANG BERUSAHA PUAN KHADIJAH BINTI ISKANDAR**

Penanggung Tugas Presiden/

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank

Pegawai-Pegawai Kementerian dan Agensi

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, /Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan kepada semua yang hadir pada hari ini dalam **Majlis Mempromosikan Dana Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel Dan Mekanisasi Tangkapan**.
2. Terima kasih juga kepada Agrobank selaku agensi pelaksana program dan Lembaga Pertubuhan Peladang selaku tuan rumah pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Sejarah telah membuktikan bahawa sektor agromakanan merupakan sektor yang dapat mengekalkan daya tahannya ketika berdepan beberapa krisis dunia. Misalnya, ketika pandemik COVID-19, **sektor ini mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 2.3% pada tahun 2020**. Manakala sumbangan agromakanan kepada KDNK pertanian juga meningkat daripada 44.2

**bilion ringgit pada tahun 2015 kepada 51.3 bilion ringgit pada tahun 2020.**

4. Angka ini membawa MAFI untuk terus memberi **penekanan khusus terhadap pemodenan dan pertanian pintar menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)** yang telah dilancarkan baru-baru ini sebagai aspirasi utama yang perlu dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang untuk menyelesaikan antara lain, isu dan cabaran yang dihadapi dalam sektor agromakanan seperti sumber tanah dan air yang terhad, perubahan iklim (*climate change*) serta kebergantungan kepada tenaga buruh asing.
5. **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)** juga telah mengenal pasti pertanian pintar sebagai salah satu aktiviti strategik dan berimpak tinggi yang dapat menjana semula pertumbuhan ekonomi negara. Sepanjang tempoh RMKe-12, **MAFI akan memberi tumpuan kepada pemodenan sektor agromakanan bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara**. Antara contoh teknologi moden dan pertanian pintar yang telah diperkenalkan di negara ini adalah seperti Teknologi Pertanian Tepat (*Precision Farming*), Kilang Tanaman (*Plant Factory*), sistem berdasarkan *Internet of Things* (IoT) dan juga penggunaan dron.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Antara isu yang kerap dihadapi dengan **aplikasi teknologi** dalam **sektor agromakanan adalah kekangan dari segi infrastruktur dan pembiayaan**. Oleh itu, sebagai langkah intervensi, MAFI bekerjasama dengan rakan-rakan strategik termasuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mempertingkatkan kualiti capaian Internet yang merupakan infrastruktur penting bagi pertanian pintar di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti oleh kementerian sebagai gedung pengeluaran makanan seperti Projek Pertanian Moden di Kluang, Johor dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan terpilih di seluruh negara.
7. Melangkah ke hadapan, menyedari bahawa akses kepada pembiayaan menjadi antara faktor yang menghalang usaha mengadaptasi teknologi, **MAFI telah memperuntukkan dana berjumlah 150 juta ringgit bagi Program Pemodenan Vesel Dan Mekanisasi Tangkapan serta 60 juta ringgit bagi Program Modernisasi Rantaian Nilai Agromakanan** dalam bentuk kemudahan pembiayaan dengan kadar pembiayaan yang rendah.
8. Secara keseluruhannya, dana berjumlah **RM210 juta** ini memberi peluang kepada golongan sasar MAFI di seluruh rantaian nilai agromakanan seperti peladang dan penternak untuk menggunakan

sistem pertanian pintar di ladang dan juga golongan nelayan untuk menaik taraf serta memodenkan vesel perikanan mereka.

9. Penggunaan teknologi ini akan dapat **meningkatkan aspek keselamatan dan juga produktiviti** dari segi hasil pengeluaran dan **mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing**.
10. Elemen pemodenan ini juga diharap dapat memperbaiki persepsi masyarakat terhadap kerjaya dalam sektor agromakanan yang sering dianggap 3D, *Dirty, Dangerous and Difficult* dan dapat terus **meningkatkan penglibatan rakyat tempatan khususnya menarik minat generasi muda**.
11. Di peringkat hiliran, **pemasaran dan jualan menerusi platform digital membolehkan hasil pertanian dijual terus** oleh peladang kepada pengguna iaitu melalui konsep *Farm To Table*.
12. Selain itu, inisiatif ini juga mampu memastikan sektor agromakanan **tidak ketinggalan dalam era Revolusi Perindustrian Keempat (4IR)** di mana program ini membolehkan usahawan di sepanjang rantai nilai agromakanan mendapatkan peralatan dan teknologi berteraskan 4IR. Antara teknologi berteraskan 4IR yang menjadi fokus dalam sektor agromakanan adalah teknologi *sensor*, *robotik*, *dron* dan *blockchain* yang merupakan elemen bagi konsep pertanian pintar.
13. Untuk rekod, kita telah melihat kejayaan daripada projek rintis seperti **projek tanaman cili fertigasi pintar yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Selangor** dengan kerjasama *Malaysian Digital Economy Corporation* (MDEC). Adalah diharapkan agar program atau projek seumpama ini dapat dipertingkatkan bilangannya dan disebarluas meliputi pelbagai peringkat dalam rantai nilai sektor agromakanan termasuk tanaman, ternakan, perikanan dan akuakultur.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

14. Teknologi bukan lagi sesuatu yang asing dalam kehidupan seharian kita. Arus pemodenan telah mengubah landskap dan cara kita berfikir, mendapatkan maklumat, bersosial, berurus niaga serta cara kita bertani mahupun menangkap ikan.
15. Oleh itu, saya yakin penggunaan teknologi akan membawa manfaat besar kepada sektor agromakanan. **MAFI akan terus komited dalam mendukung aspirasi pemodenan sektor agromakanan bagi peningkatan produktiviti dan mengukuhkan tahap sekuriti makanan negara**.

16. Dalam konteks ini, peralihan dan pemindahan teknologi perlu dibuat dengan segera, menyeluruh dan mencapai objektif sasaran. Oleh itu, ia menuntut peranan kita semua di seluruh rantaian nilai agromakanan yang juga merupakan ahli “**Keluarga Malaysia**” untuk sama-sama menggembungkan tenaga dan berkolaborasi dalam menjayakan agenda pemodenan sektor agromakanan. Semoga dalam masa terdekat ini, **MAFI** dapat mewujudkan **Keluarga AgroPintar** yang terdiri daripada petani, peladang, penternak dan nelayan moden ke arah kemakmuran bersama.
17. Di kesempatan ini juga, saya berharap lebih ramai usahawan dalam sektor agromakanan mengambil peluang daripada inisiatif ini untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam bidang masing-masing.
18. Adalah diharapkan melalui program seumpama ini, **MAFI** dapat meningkatkan tahap adaptasi teknologi dalam sektor agromakanan, seterusnya meningkatkan produktiviti ke arah menjamin sekuriti makanan negara.
19. Akhir kata, semoga komitmen dan momentum ini akan berterusan dan matlamat **MAFI** untuk mentransformasikan sektor agromakanan kepada sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi berjaya dilaksanakan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan keselamatan dan nutrisi makanan.
20. Dengan kata-kata itu, dengan sukacitanya saya merasmikan **Majlis Mempromosikan Dana Modenisasi Rantaian Nilai, Pemodenan Vesel Dan Mekanisasi Tangkapan**.

Sekian, terima kasih.